

# Cagamas terbit nota kadar apungan setahun RM300 juta

**KUALALUMPUR:** Cagamas Bhd, perbadanan gadai janji negara Malaysia, menerbitkan Nota Kadar Apungan (FRN) setahun bernilai RM300 juta.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Chung Chee Leong berkata hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman gadai janji daripada sistem kewangan.

"FRN berjaya dimuktamadkan menerusi penawaran

saham persendirian dan harga ditetapkan dengan kompetitif pada lima mata asas berbanding kadar penanda aras KLIBOR tiga bulan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Chung berkata, FRN jangka pendek itu merupakan pelaburan alternatif menarik bagi pelabur untuk mengurangkan pendedahan risiko kadar faedah dalam persekitaran kadar faedah yang meningkat. — Bernama